

# punca **remaja samseng**

**MUKADIMAH:** Beberapa bulan sebelum ini masyarakat sekali lagi dikejutkan dengan beberapa siri perbuatan remaja yang cukup membimbangkan sehingga ada di antara mereka yang sanggup merogol dan membunuh.

Walaupun perbuatan tersebut bukan perkara baru, tetapi fenomena ini mengejutkan banyak pihak sehingga melabelkan pelajar atau remaja yang terlibat sebagai 'samseng' sehingga sanggup melakukan perbuatan di luar batas kemanusiaan.

Sering kali setiap kesalahan salah laku remaja hanya dituding kepada mereka, sedangkan kita tidak tahu apakah yang menyebabkan remaja-remaja ini melakukan perbuatan sedemikian.

Kami cuba menyelami dan bertanya sendiri kepada mereka terlibat untuk mengetahui sebab dan punca remaja memberontak sehingga terjebak ke lembah dosa.

**Gopal** (nama samaran), 20, dihantar ke Sekolah Henry Gurney kerana disabitkan kesalahan mengedar dadah.

Menurut remaja ini, dia mula terlibat dalam aktiviti tersebut ketika di tingkatan tiga setelah ayahnya dipenjarakan kerana kesalahan membunuh warga asing.

Gopal mempelajari selok belok mengedar dadah daripada seorang kawan yang turut terlibat dalam 'bisnes' ini hingga menyebabkan dia tertarik dengan ganjaran lumayan.

"Saya melakukan semua itu kerana desakan hidup, walaupun saya sedar ia salah. Kawan-kawan juga pernah cakap, kalau ditangkap polis, boleh dikenakan hukuman gantung."

"Saya melakukan semua itu kerana desakan hidup, walaupun saya sedar ia salah. Kawan-kawan juga pernah cakap, kalau ditangkap polis, boleh dikenakan hukuman gantung"

Ketika dalam perjalanan untuk menghantar bekalan, motornya telah dirempuh oleh sebuah kereta sehingga dia terjatuh. Rupa-rupanya kereta tersebut dinaiki oleh anggota polis.

Setelah disoal siasat, mereka menjumpai sejumlah dadah yang disorok dalam bakul motosikal, 38 paket heroin lagi yang setiap satu berharga RM80 dijumpai di rumahnya.


"Ketika kejadian itu saya dalam keadaan mabuk. Bila orang tanya saya cerita semua," ujarnya lagi.

Dia kemudian ditahan reman 14 hari sebelum dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Bagaimanapun Gopal bersyukur kerana terlepas daripada hukuman gantung.


"Di sini saya mempelajari pelbagai kemahiran hidup seperti bengkel latihan vokasional untuk kami jadikan bekalan setelah keluar nanti. Kami juga dididik untuk saling menghormati tanpa mengira bangsa," tambah Gopal.

Gopal berazam untuk menebus kesalahannya setelah keluar dari sekolah ini nanti dan mahu membantu keluarga.

● Gopal, mengedar dadah di usia remaja.



Y002004/A21  
 0000 253536



● Kerana ingin lari daripada kemiskinan Wong terjebak.

**Wong** (nama samaran), 18, mula terlibat dalam aktiviti samun sejak berusia 14 tahun. Pada mulanya dia cuma ponteng kelas dan melepak di tandas sekolah, kemudian 'penyakit' itu berlarutan sehingga dia tidak berminat untuk menyambung pelajaran.

Dalam usia sekecil itu dia sudah tahu menggunakan senjata api terutama pistol.

Seperti rakannya Gopal, Wong menjadikan alasan kemiskinan dan desakan hidup yang menyebabkan dia 'tersasar'.

Memandangkan ayah dan ibunya cuma bekerja kampung dan tidak mempunyai pendapatan tetap, menyebabkan Wong segan untuk meminta wang daripada mereka. Disebabkan keadaan itu juga dia semakin tawar hati untuk ke sekolah.

Setelah berhenti sekolah, Wong bersama seorang kawan menjalankan operasi di kota-kota jauh dari kampung halaman.

"Setiap kali menyamun, saya menggunakan pistol yang diberikan oleh kawan. Saya sendiri tidak tahu dari mana kawan memperolehnya dan tidak pernah

**"Setiap kali menyamun, saya menggunakan pistol yang diberikan oleh kawan. Saya sendiri tidak tahu dari mana kawan memperolehnya dan tidak pernah bertanya"**

bertanya.

"Sasaran selalunya rumah orang kaya. Kami menjalankan operasi sekitar pukul 8.00 malam, kerana pada masa itu *line clear*. Kalau tengah malam polis ramai," cerita anak ketiga daripada lima beradik itu.

Menurutnya, mangsa akan diikat dan dipaksa untuk memberitahu di mana tempat menyimpan wang dan barang-barang berharga. Ada kala, mereka turut merampas kad ATM. Ada di antara mangsa yang memberitahu nombor pin mereka dan ada juga yang berbohong.

Tambah Wong lagi, mereka tidak memakai topeng ketika menyamun kerana yakin tidak dikenali. Mulut mangsa juga tidak diikat untuk membolehkan Wong dan kawan bertanya apa yang dimahukan.

Sepanjang lima tahun menjalankan kegiatan Wong hanya pulang ke kampung halaman setiap kali menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Kemudian dia menghilangkan diri.

Keluarga tidak pernah mepedulikannya kerana percaya Wong bekerja di ibu kota seperti yang dimaklumkan kepada mereka.

Bagaimanapun ketika menyamun di pinggir sebuah kota di selatan tanah air, mereka telah tersilap langkah sehingga masuk ke dalam perangkap polis.

Ekoran daripada itu Wong telah dihantar ke sini, manakala rakannya ditempatkan di penjara.

Bagi Wong, pengalaman di Sekolah Henry Gurney cukup berharga.

"Di sekolah ini banyak pengajaran yang diperoleh. Saya berasa hidup lebih terarah setelah beberapa lama berada di sini. Kami juga diajar untuk mengenal diri dan hidup berdikari berbanding sebelum ini," jelas Wong.

**Hamid** (nama samaran), 20, terlibat dalam kes samun bersenjata ketika berusia 16 tahun. Tiada siapa yang menyangka di sebalik sikapnya yang pendiam, Hamid mempunyai kumpulan sendiri sama ada di sekolah dan di luar sekolah.

Menurut Hamid, ketika di tingkatan lima kumpulannya terdiri daripada 20 hingga 30 orang remaja berusia 16 hingga 17 tahun dan dia sendiri antara orang kuat dalam kumpulan tersebut.


"Kami tidak suka mengambil ahli kumpulan di bawah 16 tahun kerana mereka masih budak-budak. Anggota kumpulan kami, ada yang sebaya dan ada juga yang lebih berusia daripada kami.

"Ketika di tingkatan lima saya pernah membelasah rakan sekelas yang mahu menunjuk lagak. Sejak itu dia tidak berani lagi mengganggu, malah terkejut kerana selama ini saya banyak mendiamkan diri," jelas anak sulung daripada sembilan beradik itu.

Bagaimanapun pergaduhan tersebut dapat diselesaikan oleh guru kelas. 'Kejayaannya' menewaskan kaki buli itu menyebabkan Hamid dihormati oleh rakan-rakan sekelas.

Bukan itu sahaja, di usia setahun jagung, Hamid sudah terlibat dalam aktiviti mencuri motor, mengedar dadah, bergaduh dan samun bersenjata. Dia

>>



● Mahu bina hidup baru selepas ini... Hamid.

"Ketika di tingkatan lima saya pernah **membelasah rakan sekelas** yang mahu menunjuk lagak. Sejak itu dia tidak berani lagi **mengganggu**, malah terkejut kerana selama ini saya banyak **mendiamkan diri**"

tidak melakukan kegiatan di kawasan berhampiran rumah kerana takut dikenali.

Tambah Hamid, penglibatannya dalam kumpulan tersebut kerana tidak tahan dengan kongkongan keluarga. Keadaan ini menyebabkan jiwa remajanya sentiasa memberontak.

"Ayah sering menyuruh saya mengulang kaji pelajaran. Saya tidak dibenarkan melakukan apa yang disukai, itu tidak boleh, ini tidak boleh. Sedangkan saya juga mahu seperti kawan-kawan, boleh melakukan apa sahaja yang mereka mahu dan setiap keinginan mereka dipenuhi oleh keluarga.

"Selain itu, ayah juga susah untuk menunaikan apa yang saya mahu. Maklumlah keluarga kami ramai, ayah cuma pekerja biasa. Masanya banyak dihabiskan di tempat kerja. Pergi pagi, balik malam. Kami jarang mendapat perhatian dan kasih sayang," jelas Hamid.

Keadaan itu mendorong Hamid melarikan diri dari rumah dan sering ponteng sekolah. Pertama kali melakukan perbuatan tersebut ketika di darjah enam. Sebagai 'habuan' Hamid akan dirotan setelah pulang ke rumah.

Sepanjang 'pelarian' itu, Hamid pernah menumpang di rumah kawan. Melihat kebahagiaan mereka, Hamid berasa cukup cemburu. Jauh di sudut hati terdetik, alangkah bahagia jika dia juga memiliki keluarga seperti itu.

Masa lapangnya banyak dihabiskan di pusat-pusat snuker dan bercampur dengan kawan-kawan sealiran. Setiap kali keluar rumah, Hamid sentiasa bertelesan senjata, sama ada pisau, parang panjang yang disembunyikan di dalam baju dan sebagainya.

Menurut Hamid lagi, sebelum memasuki sesebuah rumah, dia dan kawan-kawan akan membawa alat pemotong dan pencungkil pintu. Tetapi mereka sering kali berjaya meloloskan diri.

Bagaimanapun nasibnya berubah apabila salah seorang daripada ahli kumpulan ditangkap dan membongkar kegiatan mereka. Ekoran daripada itu kumpulan berkenaan tidak lagi aktif. Beberapa orang kawan telah ditahan dan dipenjarakan, manakala Hamid dihantar

ke Sekolah Henry Gurney setelah ditahan di penjara selama empat bulan.

"Sekarang baru saya sedar, ayah lakukan semua itu kerana sayangkan saya. Ayah mahu saya berjaya. Kerana ponteng sekolah, banyak ketinggalan pelajaran. Tapi apa boleh buat, kerana tidak mendengar nasihat keluarga, inilah padahnya.

"Sekiranya saya tidak berada di sekolah ini, mungkin saya masih leka dengan dunia sendiri. Ini bukan bermakna gembira ditempatkan di sini. Faham ajalah persepsi masyarakat pada bekas penghuni Sekolah Henry Gurney. Tetapi sekurang-kurangnya ada manfaat yang dipelajari. Saya lebih tahu menghargai erti kasih sayang dan harga diri," keluhannya menyesali apa yang telah terjadi.

Hamid berazam untuk membina kembali hidupnya setelah keluar dari sekolah. Pengalaman di sini banyak memantapkan diri untuk mencorak masa depan yang lebih sempurna kelak.

Pengalaman yang hampir sama turut dilalui oleh **Razlan** (nama samaran), 19, desakan hidup, kemiskinan dan pertelingkahan keluarga mendorongnya melakukan jenayah. Kini anak muda ini ditahan kerana disabitkan kesalahan menculik.

Menurut Razlan, dia terlibat dalam insiden itu kerana termakan pujukan saudara yang mahu mencari jalan mudah untuk lari daripada kemiskinan, sedangkan ketika itu dia sudah mempunyai pekerjaan.

"Saya sepatutnya tidak menerima pelawaan itu, tapi entahlah..." kata-katanya tergantung di situ.

Kemudian Razlan menyambung cerita, "kami berdua pergi meninjau beberapa kawasan perumahan mewah. Setelah mengenal pasti sasaran, kami mencari masa yang sesuai untuk bertindak."

Tambahnya, dia berpura-pura bertanyakan sesuatu daripada mangsa sebelum mengheretnya masuk ke kereta dan dibawa ke tempat persembunyian.

Selepas itu mereka menghubungi keluarga mangsa untuk mendapatkan wang tebusan. Setelah berunding, keluarga mangsa bersetuju membayar sejumlah wang seperti dikehendaki.

Bagaimanapun hasrat mereka untuk mendapatkan wang di tempat yang dijanjikan tidak kesampaian keadaan pada masa itu tidak mengizinkan dan terdapat kelibat yang mencurigakan (dikhuatiri polis).

Hari seterusnya sekali lagi mereka mengatur strategi, tetapi tetap gagal sehingga berlaku drama kejar mengejar di antara mereka dengan polis. Dalam kejadian itu saudaranya berjaya melarikan diri.

Kemudian terdetik rasa kasihan di hati Razlan menyebabkan dia mengambil keputusan nekad untuk membebaskan mangsa dan menghantar tidak jauh dari rumahnya.

Setelah pulang ke rumah, ibu dan ayah yang mengetahui kejadian itu memujuk supaya menyerah diri. Razlan mengikut sahaja kemahuan orang tua. Tidak lama selepas itu, dia mendapat tahu bahawa saudaranya juga turut ditangkap.

"Sejak masuk ke sekolah ini saya mula belajar tentang agama, baik dan buruk. Setelah mengikuti kelas agama saya mula sedar bahawa bukan senang untuk memperoleh wang dengan jalan singkat. Yang penting keberkatan Ilahi kerana itulah kebahagiaan hakiki. Dengan kemahiran yang ada, saya mahu membina hidup baru.

"Kini saya insaf. Kalau berpeluang, saya ingin menemui mangsa dan memohon maaf. Di sekolah ini segala-gala boleh jadi. Sama ada mahu menjadi baik atau jahat. Tanya hati dan fikirkanlah," luahnya penuh keinsafan. W



● Saya insaf... Razlan.